

11/09/1999

3,000 sertai perhimpunan Hari Wanita

Zaharah Manan

KIRA-KIRA 3,000 wanita mewakili pelbagai pertubuhan dari seluruh negara menyertai perhimpunan Hari Wanita Kebangsaan di Dewan Konvensyen di Kuantan, baru-baru ini.

Sambutan Hari Wanita bertemakan 'Wanita Asas Keluarga Bahagia' itu dianjurkan bersama Jabatan Hal Ehwal Wanita, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dengan kerjasama Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita (Hawa) Pahang yang diketuai, Maznah Mazlan.

Pelbagai acara diadakan, terutama yang menonjolkan perkembangan pembangunan wanita di negara ini bagi memeriahkan majlis.

Majlis sambutan dimulakan dengan acara perasmian oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Turut hadir isteri Abdullah, Datin Seri Endon Mahmud; Menteri Besar, Datuk Adnan Yaakob; Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob; Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman; Timbalan Menteri Besar, Datuk Hasan Arifin; dan Exco Kerajaan Negeri.

Ini diikuti pembacaan ikrar Hari Wanita, persembahan koir dan persembahan khas multimedia selain nyanyian artis yang mendendangkan lagu berunsur kewanitaan.

Selepas itu, Abdullah bersama Endon melawat 16 gerai jualan dan pameran barangan diusahakan wanita.

Dalam ucapan perasmianya, Abdullah berkata, wanita di negara ini harus aktif dalam pelbagai kegiatan selain perlu ada wakil di semua peringkat membuat dasar.

Menurutnya, usaha mesti dibuat bagi mengurangkan halangan yang boleh menjejaskan peluang wanita untuk terus maju sebagai ibu, isteri dan ketua.

"Ramai di kalangan wanita yang berjaya kini sudah membuktikan kaum hawa boleh memainkan hampir semua peranan yang mereka sandang.

"Kita tidak harus menghalang wanita mempunyai kerjaya," katanya sambil menyanjung tinggi wanita yang memilih menjadi suri rumah sepenuh masa kerana ia adalah pekerjaan murni dan sukar dilakukan pada zaman ini.

Abdullah berkata, apa yang menarik di negara ini ialah kaum wanita mencapai tahap tinggi melalui hasil usaha mereka sendiri berdasarkan kemampuan masing-masing, bukan kerana kuota wanita. "Mereka mendapat apa juga kedudukan penting secara merit," katanya.

Contohnya, kata beliau, pembabitan wanita dalam beberapa bidang sangat membanggakan, termasuk profesional seperti doktor, jurutera, arkitek dan akauntan manakala bidang perguruan juga dimonopoli mereka.

Berdasarkan perangkaan tahun lalu, peratus pelajar perempuan berdaftar pada peringkat prauniversiti ialah 65.3 peratus dan 54.5 peratus daripada 79,014 pelajar di institusi pengajian tinggi swasta juga membabitkan wanita.

Dalam bidang pengajian undang-undang, ekonomi, pengurusan dan perakaunan pula, 61.2 peratus pelajarannya juga adalah wanita.

"Kita juga melihat peningkatan peratusan pekerja wanita di negara ini daripada 45.8 peratus pada tahun 1990 kepada 47.1 peratus pada tahun 1995," katanya.

Justeru, peluang yang diberikan kerajaan kepada kaum wanita dalam bidang pendidikan dan pekerjaan adalah cukup luas, kata Abdullah.

Bagaimanapun, Abdullah kesal kerana masih ada pihak menganggap wanita tidak sesuai bekerja mencari nafkah atau mendiskriminasikan kaum hawa kerana sifat dan kecantikan mereka.

Tanpa menamakan sesiapa, beliau berkata: "Ada pihak yang tidak akan memberi tempat kepada wanita dalam menjalankan urusan siasah jika mereka menjadi kerajaan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri turut menegaskan, wanita negara ini mempunyai fungsi besar untuk memajukan negara dengan lebih berkesan tetapi bukan mengikut pendekatan wanita Barat.

"Wanita kita lebih bermaruah dan mengetahui batas perjuangan. Wanita kita tidak terikut-ikut melaungkan soal kesaksamaan hak seperti hak untuk berkahwin sesama jantina, hak untuk melahirkan anak tanpa ikatan perkahwinan dan hak untuk tidak berpakaian di khalayak ramai. Semua ini bukan nilai wanita kita.

"Janganlah terperangkap dengan erti pembangunan yang sempit sehingga mengetepikan kepentingan keluarga sebagai satu institusi yang mesti dipertahankan," katanya.

Di samping majlis perasmian, satu ceramah umum diadakan dengan tajuk 'Manusia dan Alam Semesta' yang disampaikan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Sains Angkasa, Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Dr Mazlan Othman pada petang hari berkenaan.

Majlis sambutan itu diakhiri dengan acara Pencerapan Langit (Sky Gazing) yang disertai 50 wanita di perkarangan Dewan Konvensyen itu pada sebelah malam.

(END)